

TARIKH	KHAMIS, 12 OGOS 2021
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KETUA JABATAN KERAJAAN KENA PERGIAT KEMPEN VAKSINASI
SUMBER	https://www.facebook.com/pg/myjpa/posts/
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Ketua jabatan kerajaan kena pergiat kempen vaksinasi

Keengganan segelintir penjawat awam divaksin sukar usaha capai imuniti kelompok

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua jabatan kerajaan perlu mempromosikan lagi kempen vaksinasi COVID-19 dalam kalangan kakitangan masing-masing bagi menggalakkan lebih ramai penjawat awam menerima imunisasi, seterusnya membantu usaha mencapai imuniti kelompok pada Oktober ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Ab Rahman, mengakui ada segelintir masyarakat, termasuk penjawat awam yang masih tidak mahu divaksin, antara lain disebabkan terpengaruh dengan sentimen antivaksin yang disebarkan pihak tidak bertanggungjawab.

Bagaimanapun, katanya, undang-undang negara tidak mewajibkan sesiapa menerima vaksinasi COVID-19, sama seperti pelalian lain yang tidak diwajibkan dan diambil secara sukarela.

"Disebabkan vaksin tidak diwajibkan undang-undang semasa, terdapat keperluan bagi kempen Program Imunisasi CO-

VID-19 Kebangsaan (PICK) ditingkatkan untuk kita mencapai imuniti kelompok yang lebih berkesan.

"Ketua jabatan diingatkan supaya sentiasa menggalak dan menjayakan PICK dalam kalangan pegawai dan kakitangan masing-masing. Ini sebahagian tanggungjawab kita sebagai penjawat awam dan rakyat negara ini yang berikrar bersatu melawan COVID-19," katanya kepada BH.

Mohd Khairul Adib berkata, di Putrajaya yang rata-rata penduduknya adalah penjawat awam, peratusan pendaftaran dengan PICK sudah pun mencapai sasaran 100 peratus, membabitkan 80 peratus individu dewasa.

Ahad lalu, CUEPACS mencadangkan supaya vaksinasi bergerak diaktifkan menggunakan bas dan trak ke jabatan kerajaan dan sekolah bagi mempercepatkan pemberian vaksin COVID-19 kepada penjawat awam termasuk guru.

“Ketua jabatan diingatkan supaya sentiasa menggalak dan menjayakan PICK dalam kalangan pegawai dan kakitangan masing-masing. Ini sebahagian tanggungjawab kita sebagai penjawat awam dan rakyat negara ini yang berikrar bersatu melawan COVID-19”



Mohd Khairul Adib Ab Rahman,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam



Kempen menggalakkan lebih ramai penjawat awam terima imunisasi bantu usaha mencapai imuniti kelompok pada Oktober ini. (Foto hiasan)

Presidennya, Adnan Mat, berkata ketika ini, masih ada lagi penjawat awam belum diberikan vaksin kerana tidak mendapat janji temu melalui aplikasi MySejahtera.

"CUEPACS berharap pengurusan PICK dapat memberi keuta-

maan kepada penjawat awam melalui kerjasama secara langsung dengan jabatan, agensi dan Kementerian untuk pemberian vaksin secara bersasar.

"Kami yakin semua penjawat awam boleh dan akan selesai menerima suntikan vaksin lebih awal melalui pemberian vaksin secara bersasar ini.

"Ia juga lebih mudah dan terkawal kerana setiap maklumat sudah dimiliki jabatan masing-masing," katanya.

Pada Isnin, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dipetik berkata, 100 peratus penduduk dewasa atau 80 peratus populasi Malaysia dijangka mendapat dos lengkap vaksin COVID-19 menjelang hujung Oktober ini, sekali gus melengkapkan imuniti kelompok, berdasarkan prestasi PICK yang memberangsangkan setakat ini.

DISEDIAKAN
OLEH

1-SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-EN CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM